

Maqāṣid Al-Sunnah Dalam Kerangka Maqāṣid Al-Shari‘ah: Analisis Konseptual

[Maqāṣid Al-Sunnah Within the Framework of Maqāṣid Al-Shari‘ah: A Conceptual Analysis]

Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi¹, Norazam Khair Mohd Ithnin² & Ishak Suliaman³

¹ (Corresponding Author) Department of Al-Quran dan Al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, University of Malaya, 50603, Malaysia, email: dzuldzulraidi@gmail.com

² Department of Al- Quran dan Al- Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Malaysia, email: norazamithnin@um.edu.my.

³ Department of Al- Quran dan Al- Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Malaysia, e-mail: ishakhs@um.edu.my.

ABSTRACT

*Al-Ghazālī (d. 505 H), in his work *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn*, is one of the earliest figures to mention the concept of Maqāṣid al-Sunnah using the term Maqāṣid al-Nubuwah to describe the objective of legislating female circumcision. In contrast to Maqāṣid al-Shari‘ah, there is still less discussion on Maqāṣid al-Sunnah. So, the question is: is Maqāṣid al-Sunnah a new discipline that exists independently of Maqāṣid al-Shari‘ah, or is it a part of Maqāṣid al-Shari‘ah? Hence, this study critically analyze the integration of Maqāṣid al-Sunnah within the framework of Maqāṣid al-Shari‘ah. Additionally, the study examined the writings of classical and contemporary scholars in their use of the term Maqāṣid al-Sunnah and the contexts in which it is employed. The research employed the documentation approach for classical and contemporary works, as well as academic articles for data collection. Furthermore, content analysis was used to extract significant findings from the gathered materials. The results of the study suggested that Maqāṣid al-Sunnah is a term or field that is part of Maqāṣid al-Shari‘ah rather than a term or field distinct from it and it is a component within the framework of Maqāṣid al-Shari‘ah. Similarly, the discussion from the perspective of Maqāṣid al-Sunnah offers a more precise and targeted comprehension. The study contributes to aid the researchers in obtaining a clear concept of the position and concept of Maqāṣid al-Sunnah.*

Keywords: Al-Ghazālī; *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn*; Maqāṣid al-Sunnah; Maqāṣid al-Shari‘ah

ABSTRAK

Al-Ghazālī (m. 505 H) dalam *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn* merupakan tokoh terawal yang menyebut perihal Maqāṣid al-Sunnah menggunakan terma Maqāṣid al-Nubuwah. Beliau menggunakan terma ini ketika menyatakan objektif pensyariatan khitān wanita. Namun, perbincangan berkenaan Maqāṣid al-Sunnah masih sedikit berbanding Maqāṣid al-Shari‘ah. Persoalannya, adakah Maqāṣid al-Sunnah merupakan suatu bidang ilmu yang baharu serta terpisah daripada Maqāṣid al-Shari‘ah atau ianya merupakan suatu juzuk dalam kerangka Maqāṣid al-Shari‘ah? Justeru, kajian ini merupakan analisis kritis membincangkan integrasi Maqāṣid al-Sunnah dalam kerangka Maqāṣid al-Shari‘ah. Selain itu, kajian ini meninjau penulisan ulama klasik dan kontemporari dalam menggunakan terma Maqāṣid al-Sunnah serta konteks yang digunakan. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi karya-karya klasik dan kontemporari serta artikel-artikel akademik sebagai kaedah pengumpulan data. Selain itu, metode analisis kandungan segala bahan yang dikumpulkan akan digunakan untuk memperoleh hasil yang signifikan. Hasil kajian mendapati bahawa Maqāṣid al-Sunnah bukanlah suatu terma atau bidang yang berbeza dengan Maqāṣid al-Shari‘ah namun

ianya merupakan sebahagian daripada kerangka Maqāṣid al-Sharī‘ah. Begitu juga perbincangan dari perspektif Maqāṣid al-Sunnah dilakukan bertujuan agar dapatkan perbincangan lebih jelas dan bersasar. Implikasi kajian ini memudahkan para pengkaji mendapatkan konsep jelas berkenaan kedudukan dan konsep Maqāṣid al-Sunnah.

Kata Kunci: Al-Ghazālī; *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn*; *Maqāṣid al-Sunnah*; *Maqāṣid al-Sharī‘ah*

How to Cite:

Received : 29-08-2023 Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi, Norazam Khair Mohd Ithnin, & Ishak Accepted : 15-10-2023 Sulaiman. (2023). Maqāṣid Al-Sunnah Dalam Kerangka Maqāṣid Al-Published : 30-11-2023 Sharī‘ah: Analisis Konseptual. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 4(2), 125-134

1. Pendahuluan

Maqāṣid al-Sharī‘ah bermaksud tujuan-tujuan syariat serta rahiṣia-rahiṣianya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT pada setiap hukum-hakam (al-Fāsī, 1993). Perbincangan berkaitan *Maqāṣid al-Sharī‘ah* telah hangat dibicarakan dan ia telah menjadi satu sistem nilai dan standard amalan masyarakat kini (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2020). Namun, terdapat satu terma yang mempunyai kaitan secara langsung dengan *Maqāṣid al-Sharī‘ah* sering digunakan belakangan ini oleh tokoh-tokoh kontemporari iaitu *Maqāṣid al-Sunnah* (Abdul Hadi Awang, 2018). Walaupun begitu, perbincangan berkaitan konsep *Maqāṣid al-Sunnah* masih kurang mendapat liputan bahkan sehingga kini belum ada kajian yang benar-benar menjelaskannya (Muhammad Solah, 2021). Menurut Ali Hanafiah (2023) *Maqāṣid al-Sunnah* sehingga kini masih menjadi satu tanda tanya dari sudut konsep, kedudukan dan panduannya.

Tambahan lagi, ramai kalangan ilmuwan kontemporari melebihkan perbahasan berkenaan *Maqāṣid al-Sharī‘ah* berbanding perbahasan *maqāṣid* yang lain (Rizalman, 2016). Hal ini seolah-olah ingin menunjukkan titik pemisah antara perbahasan *Maqāṣid al-Sharī‘ah* berbanding perbahasan *maqāṣid* yang lain seperti *Maqāṣid al-Sunnah*. Walau bagaimanapun, masih terdapat kajian-kajian yang membicarakan berkaitan *Maqāṣid al-Sunnah* dan meletakkannya di bawah *Maqāṣid al-Sharī‘ah* (Abdul Hadi Awang, 2018). Namun, pendekatan kajian-kajian tersebut kurang memberi penekanan terhadap teori dan praktikal yang telah diaplikasikan oleh ilmuwan silam (Rosni Wazir, 2020; Ahmad Jihaduddin & Muhammad Fawwaz, 2020; Islam Web, 2021).

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan dan mengenal pasti konsep *Maqāṣid al-Sunnah* dalam kerangka *Maqāṣid al-Sharī‘ah*. Selain itu, kajian juga akan menganalisis praktikal dan pendapat ilmuwan klasik dan kontemporari dalam menjustifikasi kedudukan *Maqāṣid al-Sunnah* di bawah kerangka *Maqāṣid al-Sharī‘ah*. Kepentingan kajian tidak dinyatakan

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif menggunakan kaedah kepustakaan melalui analisis kandungan (Nor Hisyam 2018; Fuad, 2017). Data-data dikumpul daripada kajian-kajian lepas yang didapati dalam bentuk kitab turath, artikel ilmiah, laman sesawang, modul dan jurnal-jurnal yang berkaitan. Data daripada sumber internet didapati dengan menggunakan kata kunci seperti ‘*Maqāṣid al-Sharī‘ah*, “*Maqāṣid al-Sunnah*” dan “*Darūriyyāt al-Khams*”. Data-data perbincangan juga disusun melalui perbincangan berkaitan iaitu konsep *Maqāṣid al-Sharī‘ah*, evolusi dan perkembangan *Maqāṣid al-Sharī‘ah*, *Maqāṣid al-Sunnah* dalam kerangka *Maqāṣid al-Sharī‘ah*, kepentingan, konflik dan cabaran.

3. Dapatan dan Perbincangan Kajian

3.1 Konsep Maqāṣid al-Shari‘ah

Maqāṣid al-Shari‘ah dari sudut bahasa bermaksud objektif pensyariatan (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2020). Dari sudut istilah pula, terdapat pelbagai versi yang diutarakan oleh para ilmuwan yang tidak sunyi daripada kritikan (Abdul Wahab Ali et. al., 2022). Antara definisi-definisi tersebut dapat dirumuskan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Definisi-definisi Maqāṣid al-Shari‘ah

Tokoh	Definisi Maqāṣid al-Shari‘ah
Allāl Al-Fāsī	Tujuan pensyariatan dan rahsia yang diletakkan oleh syarak pada setiap hukumnya.
Ahmad Al-Raysūnī	Tujuan-tujuan yang ditetapkan oleh syariah untuk direalisasikan bagi kemaslahatan manusia.
Muhammad Sa’ad Al-Yūbī	Makna, hikmah dan seumpamanya yang diambil kira oleh syarak dalam pensyariatan secara umum atau secara khusus dengan tujuan untuk memberikan kebaikan kepada manusia.
Kesimpulan	Perkara yang menjadi tujuan syarak yang difahami melalui penelitian yang menyeluruh dan mendalam.

(Sumber: Al-Fāsī, 1993; Al-Raysūnī, 1999; Al-Raysūnī, 1992; Al-Yūbī, 1998; Nazir Alias et. al., 2020)

Di samping itu, ilmuwan Islam juga telah membahagikan perbahasan *Maqāṣid al-Shari‘ah* kepada beberapa bahagian berdasarkan penelitian mendalam terhadap dalil-dalil syarak (Ibn ‘Āshūr, 2011). Secara umumnya, syariat Islam bertujuan untuk memberikan kebaikan dan menghindarkan keburukan daripada manusia serta menjamin kepentingan mereka. Menurut Al- Najjar (2008), terdapat tiga jenis kepentingan manusia yang menjadi fokus utama syarak iaitu:

- a) *al-Maqāṣid al-Darūriyyāt*: Merupakan perkara yang mana kehidupan manusia memerlukan dan bergantung kepadanya. Sekiranya perkara tersebut tiada, manusia akan mengalami kesukaran dalam kehidupannya di dunia mahupun akhirat. *al-Darūriyyāt* terbahagi kepada lima asas utama iaitu; memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta benda. Setiap urusan agama dibina atas perkara-perkara ini mengikut keutamaan yang telah ditetapkan oleh para ilmuwan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Ini dikuatkan lagi apabila al-Ghazālī memberi nama bagi tema ini sebagai *Darūriyyāt al-Khams* (al-Ghazālī, 1997). Contoh bagi keterangan lima asas utama ini dirumuskan seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 2: Darūriyyāt al-Khams

No.	Prinsip	Penjelasan	Contoh
1	Pemeliharaan Agama	Kewajiban memelihara agama diutamakan daripada perkara lain.	Wajib berperang untuk mempertahankan Islam jika syarat-syarat tertentu telah dipenuhi.
2	Pemeliharaan Nyawa	Prinsip kedua terpenting yang memerlukan perlindungan nyawa manusia.	Larangan membunuh, sama ada diri sendiri atau orang lain, dan wajib digantikan dengan qisas, diyat, atau kaffarah bagi mereka yang melakukan pembunuhan.
3	Pemeliharaan Akal	Islam menuntut pemeliharaan akal kerana ia adalah anugerah daripada Allah SWT yang membezakan manusia dengan makhluk yang lain.	Larangan penggunaan arak dan bahan-bahan lain yang memabukkan kerana boleh merosakkan akal.

4	Pemeliharaan Keturunan	Islam milarang daripada melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan keturunan.	Galakan perkahwinan sebagai cara untuk memelihara keturunan dan melarang penzinaan untuk mencegah kerosakan kepada keturunan dan nasab.
5	Pemeliharaan Harta	Prinsip terakhir dalam <i>Darūriyyāt al-Khams</i> yang memerlukan perlindungan harta.	Larangan mencuri dan merompak untuk memelihara harta serta galakan mencari rezeki halal.

(Sumber: al-Ghazālī, 1997)

- b) *al-Maqāṣid al-Hājiyyāt*: Perkara yang diperlukan oleh manusia bagi memberikan kemudahan kepadanya dan menghilangkan kesukaran. Ketiadaan perkara-perkara *al-hājiyyāt* tidak membawa kepada kepincangan dalam kehidupan manusia sebagaimana ketiadaan perkara-perkara *al-darūriyyāt*, namun ia akan membawa kepada kesukaran dalam kehidupan manusia. Sebagai contoh, keharusan jual beli, sewa-menyewa, pinjaman, dan keringanan dalam menjalankan ibadah ketika sakit atau permusafiran. Semua hal ini menyokong *al-darūriyyāt* seperti dijelaskan sebelumnya.
- c) *al-Maqāṣid al-Taḥsīniyyāt*: Perkara-perkara yang menyempurnakan dan mencantikkan urusan manusia. Ketiadaan perkara-perkara *al-taḥsīniyyāt* tidak membawa kepada kesukaran dalam kehidupan manusia seperti mana ketiadaan perkara-perkara *al-darūriyyāt* dan *al-hājiyyāt*, tetapi keberadaannya akan membawa kepada kehidupan yang lebih sempurna kepada manusia. Contohnya mempunyai pakaian berbagai corak dan warna, memiliki kenderaan mewah, dan rumah yang besar (JAKIM, 2021).

3.2 Evolusi dan Perkembangan Maqāṣid al-Sharī'ah

Konsep Maqāṣid al-Sharī'ah telah mula dipraktikkan sejak era Nabi Muhammad SAW lagi. Sebagaimana dibuktikan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik katanya:

عَلَى الْسِّعْدِ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ سَعْرٌ لَنَا فَقَالَ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْمُسْعِرُ
الْفَابِضُ الْبَاسِطُ الرَّزَاقُ وَإِنِّي لَأَرْجُو أَنَّ الْقَى رَبِّي وَلَيْسَ أَحَدٌ مِنْكُمْ يَطْلُبُنِي بِعَذَابٍ فِي دَمٍ وَلَا مَالٍ.

Terjemahan: Pernah terjadi kenaikan harga pada masa Rasulullah SAW, maka orang-orang berkata: Wahai Rasulullah, tetapkanlah harga untuk kami. Lalu Baginda bersabda: Sesungguhnya Allah Sang Penetap Harga, Penggenggam, Pembentang dan Pemberi Rezeki. Aku berharap bertemu dengan Tuhanku dan tidak ada seorang pun daripada kalian yang menuntut perbuatan zalim yang aku pernah lakukan kepadanya, baik berupa darah (*qisas*) maupun harta. [Sunan al-Tirmidhī, no. hadith: 1314; Dinilai *hasan sahīh* oleh al-Tirmidhī]

Dalam hadis ini, Nabi SAW menolak untuk menetapkan atau mengawal harga barang melalui dasar kawalan harga. Hal ini kerana Baginda bimbang perkara tersebut bakal menyalimi peniaga. Namun begitu, situasi ini berbeza dengan keadaan yang dialami pada zaman sekarang (Yusri Ibrahim, 2019). Menurut Ibn Qayyim (2020) penetapan harga menjadi satu kewajipan bagi menjaga kemaslahatan manusia untuk mengelakkan daripada berlaku sebarang kerosakan. Justeru, hadis ini merumuskan aplikasi penggunaan kerangka *Maqāṣid al-Sharī'ah* iaitu memelihara harta (Yusri Ibrahim, 2019).

Selain itu, corak berijtihad yang dinyatakan telah diwarisi bermula pada zaman para imam mujtahid sehingga ke hari ini. Hal demikian telah diakui oleh majoriti cendekiawan dalam ilmu usul dan furu' (Yusri Ibrahim, 2019). Implikasinya, penguasaan perbincangan *Maqāṣid al-Sharī‘ah* hendaklah menjadi satu keperluan dan kewajiban ke atas para fuqahā' sepetimana keperluan menguasai nas-nas syarak itu sendiri. Jika tidak, ilmu fiqh akan menjadi tanpa roh, jiwa dan kontang tujuan pensyariatannya (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019).

Kini, *Maqasid al-Sharī‘ah* telah berkembang menjadi satu ilmu yang berdiri dengan sendiri dan bukan lagi sekadar satu topik atau bab dalam ilmu usul fiqh seperti yang terdapat dalam karya para ulama dan pemikir Islam. *Maqasid al-Sharī‘ah* turut dijadikan sebagai penanda aras kepada pelbagai bidang; termasuk isu hak asasi manusia, pembangunan ekonomi, urus tadbir negara, amalan berpolitik, penjagaan alam sekitar serta tadbir urus institusi kewangan dan perbankan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019).

3.3 *Maqāṣid al-Sunnah* dalam Kerangka *Maqāṣid al-Sharī‘ah*

Merujuk kepada perbincangan ilmuwan klasik, *Maqāṣid al-Sunnah* tidak dijadikan sebagai sebuah konsep baharu dalam berijtihad. Sebaliknya, ia merupakan satu bentuk pemfokusan yang masih lagi bernaung di bawah prinsip dan disiplin *Maqāṣid al-Syārī‘ah*. Hal ini dapat dibuktikan daripada perkataan al-Ghazālī ketika mengulas hadis dibawah:

عن أم عطية الأنبارية: أن امرأة كانت تختن في المدينة، فقال لها النبي -صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ-: لا تختنكي،
فإن ذلك أخطئ للمرأة، وأحب إلى البعل

Terjemahan: Daripada Ummi ‘Atiyyah al-Ansāriyyah: Bahwasanya di Madinah terdapat seorang perempuan yang pekerjaannya mengkhitan wanita, kemudian Nabi SAW bersabda: Jangan berlebihan dalam memotong, kerana yang demikian lebih nikmat bagi wanita dan disenangi suaminya. [Sunan Abī Dāwud, no. hadith: 5271, Dinilai Hasan li Ghayrihi (Norazam Khair Mohd Ithnin et. al., 2023)]

Menurut al-Ghazālī (m. 505H) ini merupakan sebahagian daripada *Maqāṣid al-Nubuwah*. Hal ini kerana Baginda SAW bukan sahaja menjaga maslahat akhirat semata-mata bahkan maslahat dunia. Justeru kesenangan dalam hubungan suami isteri merupakan sebahagian daripada prinsip pemeliharaan keturunan (al-Ghazālī, 2010).

Ibn Hajar al-Asqalānī (m. 852H) juga dilihat memahami perkara yang sama ketika membincangkan hadis:

لا يصلين أحد العصر إلا في بي قريظة فادرك بعضهم العصر في الطريق، فقال بعضهم: لا نصلى حتى تأتيها، وقال بعضهم: بل نصلى، لم يردن منا ذلك، فذكر للنبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فلم يعف واحداً منهم

Terjemahan: (Baginda SAW) bersabda, “Janganlah salah seorang daripada kamu solat asar melainkan apabila tiba di Bani Quraizhah”. Ibn Umar berkata: “Lalu tibalah waktu asar ketika sebahagian daripada mereka dalam perjalanan. Maka berkata sebahagian daripada mereka: “Jangan kita solat sehingga kita sampai di Bani Quraizhah”. Adapun telah berkata sebahagian mereka yang lain: “Bahkan, kami akan menunaikan solat kerana Nabi SAW tidak bermaksud demikian”. Maka kejadian tersebut diceritakan kepada Nabi

SAW dan Baginda SAW tidak mencela salah seorang daripada mereka". [Sahīh al-Bukhārī, no. hadith: 946]

Menurut Ibn Hajar al-Asqalāni (m 852H) kedua-dua ijtihad daripada sahabat diterima oleh Nabi SAW. Satu kelompok melihat keutamaan memathui perintah Nabi SAW. Kelompok yang lain pula melihat keutamaan mengerjakan solat dan berpandangan arahan Nabi SAW perlu dilaksanakan dengan segera (Ibn Hajar, 1959). Ini menunjukkan para sahabat berbeza pandangan dalam menentukan *Maqāṣid al-Shari‘ah* daripada perintah tersebut sedangkan kedua-duanya ingin menjaga prinsip agama (Kamal Ladra, 2021).

Shāh Waliyullah al-Dehlawi (m. 1175H) merupakan seorang tokoh Usul Fiqh juga mengakui kewujudan *Maqāṣid al-Sunnah* dalam kerangka *Maqāṣid al-Syari‘ah*. Beliau mengatakan ‘*Ulūm al-Hadīth* merupakan ilmu yang menyingkap rahsia-rahsia agama dan mencari hikmah-hikmah pensyariatan. Sami’ Unays (2018) menyatakan yang dimaksudkan dengan mencari hikmah-hikmah pensyariatan ialah *Maqāṣid al-Hadīth*. Ini dibuktikan dengan perkataan Wansharisi yang menterjemahkan terma hikmah dengan *Maqāṣid*.

Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (m. 1332H) ketika membincarkan berkenaan kepentingan ilmu hadis mengatakan bahawa menguasai ilmu hadis bakal menatijahkan kefahaman konkret *Maqāṣid al-Sunnah* yang suci. Memahami hadis merupakan asas utama *Maqāṣid al-Sunnah* (Abdul Hadi Awang). Rumusan perbincangan dapat dilihat dalam jadual di bawah:


Jadual 3: Perbincangan ilmuwan Islam berkenaan *Maqāṣid al-Sunnah*

Bil.	Tokoh	Konteks Perbincangan
1.	Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī (m. 505h)	Objektif pensyariatan <i>khitān</i> terhadap wanita
2.	Ibn Hajar al-Asqalāni (m. 852H)	Hadith Bani Quraizah
3.	Shāh Waliyullah al-Dehlawi (m. 1175H)	Rahsia daripada ‘ <i>Ulūm al-Hadīth</i>
4.	Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (m. 1332H)	Hasil daripada memahami ilmu hadis

(Sumber: Al-Ghazālī, 2010; Ibn Hajar, 1959; Sami’ Unais, 2018)

Antara tokoh terawal merasmikan kerangka ini ialah Ahmad Raysūnī (2013) dalam karya beliau *Maqāṣid al-Maqāṣid*. Menurut beliau *Maqāṣid al-Shari‘ah* pada hakikatnya sangat berpegang kuat dengan nas al-Quran dan al-Sunnah. *Maqāṣid al-Shari‘ah* dan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah sangat berkait rapat tanpa ada pemisahan dalam memahami kedua-duanya. Berdasarkan pandangan beliau kerangka konseptual *Maqāṣid al-Sunnah* dapat disimpulkan seperti berikut:

Rajah 1: Kerangka Konseptual *Maqāṣid al-Sunnah*



(Sumber: Analisis Pengkaji, 2023)

Setakat carian, tidak terdapat mana-mana kajian yang membahaskan berkenaan *Maqāṣid al-Sunnah* berbeza dengan apa yang disebut oleh Ahmad Raysuni bahkan kesemuanya menjadikan pandangan beliau sebagai asas parameter kepada konsep *Maqāṣid al-Sunnah*. Literatur kajian *Maqāṣid al-Sunnah* adalah seperti berikut:

Jadual 4: Jadual sorotan literasi kajian *Maqāṣid al-Sunnah*

Bil.	Jenis Kajian	Tahun	Penulis	Tajuk Kajian
1	Artikel	-	Mohammad Solah Muhammad	Maqāṣid al-Sunnah al-Nabawiyah fī Tasyrī’ Tahrīm Nikāḥ al-Mar’ah ‘alā ‘Ammatihā au Khālatihā
2	Artikel	-	Abdul Hadi Awang	Konsep Maqasid Sunnah Menurut Ahmad Al-Raysuni
3	Artikel	2022	Ahmad Jihaduddin Ripin	Persaingan Dalam Perniagaan: Analisa Menurut Perspektif Maqasid Al-Quran Dan Sunnah
4	Artikel	2021	Kamal Ladra	The need to refer to the objectives of the Sunnah in correcting understanding and evaluating commitment
5	Artikel	2021	Muhammad al-Hadi Buhnuk	The impact of the Objectives of Sunnah on removing confusion on the Conflicted hadiths
6	Buku	2020	Mukhtar Jum’ah	Fahmu Maqāṣid al-Sunnah Ru’yah ‘Asriyah
7	Artikel	2020	Rosni Wazir	Tuntutan Kesihatan Mental Menurut Maqāṣid al-Sunnah
8	Artikel	2019	Ishak Suliaman dan Ashrof Zaki Yaakob	Analisis Hadith Wakaf Infrastruktur dalam al-Kutub al-Sittah dan Aplikasinya Menurut Perspektif Maqasid al-Sunnah
9	Artikel	2018	Abdul Hadi Awang	Konsep Maqasid Sunnah Menurut Yusuf Al-Qaradawi Dalam Kitab Kayfa Nata'amal Ma'a Al-Sunnah Al-Nabawiyah
10	Artikel	2018	Abdul Bari Awanij dan Ahmad Akram Muhd Rabi	Maqāṣid al-Sunnah al-Nabawiyah Ghair Tasyrī'iyyah
11	Disertasi Sarjana	2009	Najah Makki	Athar al-Maqāṣid fi Ta'āmul ma'a al-Sunnah al-Nabawiyah Fiqhan wa Tanzīlān

(Sumber: Solah Muhammad, 2021; Abdul Hadi Awang; Jihaduddin Ripin, 2022; Kamal Ladra, 2021; Hadi Buhnuk, 2021; Mukhtar Jum’ah, 2020; Rosni Wazir, 2020; Ishak Suliaman dan Ashrof Yaakob, 2019; Abdul Hadi Awang, 2018; Abdul Bari Awanij dan Akram Rabi, 2018; Najah Makki, 2009)

Kesemua literatur ini menunjukkan persetujuan dalam kalangan pengkaji terhadap konsep integrasi *Maqāṣid al-Sunnah* dalam kerangka *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Hal ini telah menjadi fokus perbincangan selama bertahun-tahun justeru menunjukkan kepentingan objektif kajian ini.

3.4 Kepentingan Pemfokusan *Maqāṣid al-Sunnah*

Fokus perbincangan *Maqāṣid al-Sunnah* menggariskan beberapa kepentingan yang masih merujuk kepada skop kerangka *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Antaranya untuk menunjukkan kesempurnaan dan kelestarian syariat Islam yang terdapat dalam ajaran sunnah. Kesempurnaannya disebabkan ia dibentuk atas tujuan yang luhur dalam hukum-hukum umum dan khusus (Rosni Wazir, 2020).

Selain itu, pemfokusan *Maqāṣid al-Sunnah* adalah untuk menjadikan seseorang individu dapat melihat realiti agama yang dibawa oleh syarak dan menyebabkannya lebih tenang berbanding hanya menerima bulat-bulat (Abdul Sami' Unaiz, 2018).

Seterusnya, *Maqāṣid al-Sunnah* adalah penting kerana memberikan manfaat dalam menetapkan hukum untuk situasi baru (Muhiben Abd Rahman, 1996). Sebagai contoh, menggunakan analogi daripada hukum-hukum yang sudah dikenali ‘illahnya. Melalui konsep ini, hukum bagi perkara yang tidak terdapat pada zaman Nabi SAW dapat ditentukan dengan mempertimbangkan ‘illah atau persamaan dan tujuannya.

Begitu juga wujud keperluan untuk membincangkan skop-skop tertentu dari sudut perspektif hadis sahaja yang melibatkan etika. Contohnya isu-isu penjagaan alam sekitar, kesihatan mental dan sebagainya. Perbahasan ini akan menonjolkan Nabi SAW sebagai contoh ikutan dalam setiap urusan. Ini kerana sunnah nabi lebih banyak membicarakan perkara-perkara yang umum dan khusus berbanding al-Quran (Abdul Hadi Awang, 2018).

3.5 Potensi Konflik antara Pemahaman *Maqāṣid al-Sunnah* dan *Maqāṣid al-Shari‘ah*

Antara isu yang boleh dibincangkan dalam konteks *Maqāṣid al-Sunnah* ialah perbezaan pemahaman antara *Maqāṣid al-Sunnah* dan *Maqāṣid al-Shari‘ah*. Segelintir berpendapat bahawa *Maqāṣid al-Sunnah* hanyalah mengulangi perbincangan *Maqāṣid al-Shari‘ah*. Justeru, memisahkan dua perbincangan ini dianggap sekadar pengulangan yang sia-sia sahaja.

Namun, pandangan ini sebenarnya bertentangan dengan prinsip pemfokusan *Maqāṣid al-Sunnah* itu sendiri. Ini kerana ia turut diguna untuk mendapatkan pemahaman yang lebih tepat dan mendalam dengan hanya memberi tumpuan kepada hadis yang merupakan penjelasan kepada ajaran al-Quran.

Selain itu, pemfokusan pada perspektif hadis juga akan membawa kepada suatu kerangka perbincangan yang lebih konkret. Apabila perbincangan disusun berdasarkan perspektif teknikal atau autentikasi hadis, ia akan menghasilkan pemahaman yang lebih tepat berbanding hanya berfokus kepada aspek kehujahan hadis semata-mata. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa persepsi pemfokusan *Maqāṣid al-Sunnah* tidak mendarangkan sebarang faedah merupakan pandangan yang tidak tepat.

3.6 Cabaran Pengaplikasian *Maqāṣid al-Sunnah* dalam Konteks Masa Kini

Cabarannya besar dalam mengaplikasikan *Maqāṣid al-Sunnah* dalam konteks masa kini adalah kekurangan pemahaman dalam kalangan masyarakat, terutama masyarakat awam. Mereka mungkin tidak memahami perbincangan-perbincangan agama yang terperinci. Oleh itu, untuk memastikan konsep *Maqāṣid al-Sunnah* dapat dihayati dengan baik, penting untuk menyediakan kepada masyarakat awam perbincangan yang lebih mudah untuk difahami.

Salah satu cara untuk mengatasi cabaran ini adalah dengan membangunkan modul-modul yang mengintegrasikan topik-topik semasa dari perspektif *Maqāṣid al-Sunnah*. Modul-modul ini boleh disusun sedemikian rupa sehingga menyentuh isu-isu penting dalam masyarakat kontemporari dan memberikan pandangan yang lebih mendalam berdasarkan prinsip-prinsip *Maqāṣid al-Sunnah*. Ini membolehkan masyarakat untuk memahami nilai-nilai dan tujuan-tujuan yang terkandung dalam ajaran Islam dengan lebih jelas dan relevan dengan kehidupan mereka pada hari ini.

Dengan pendekatan ini, diharapkan masyarakat awam akan dapat mengaplikasikan prinsip-prinsip *Maqāṣid al-Sunnah* dalam kehidupan harian mereka dengan lebih efektif dan bermakna. Pemahaman yang lebih baik menjadikan mereka agen perubahan positif dalam masyarakat demi mencapai kesejahteraan dan kemaslahatan yang diinginkan oleh *Maqāṣid al-Sunnah*.

4. Kesimpulan

Maqāṣid al-Sharī'ah adalah perkara yang menjadi tujuan syarak yang difahami melalui penelitian yang menyeluruh dan mendalam. Hasil kajian mendapati perbincangan mengenai *Maqāṣid al-Sunnah* telah bermula seawal kurun ke-6 hijrah oleh al-Ghazālī. Begitu juga analisis membuktikan para ilmuwan bersepakat berkenaan konsep dan kedudukan *Maqāṣid al-Sunnah* di bawah kerangka *Maqāṣid al-Sharī'ah*. Hasil kajian ini penting untuk dijadikan rujukan empirikal terhadap kajian-kajian para pengkaji moden yang bertemakan *Maqāṣid al-Sunnah*. Namun, kajian ini tidak menyentuh secara mendalam mengenai integrasi *Maqāṣid al-Sunnah* dengan isu-isu semasa atau cabang ilmu yang lain. Justeru, disarankan para pengkaji memperbanyakkan kajian yang lebih terperinci mengenai integrasi *Maqāṣid al-Sunnah* dengan isu-isu semasa seperti penjagaan alam sekitar, kes buli, dan sebagainya.

Rujukan

- Awanij, A. B. & Robbi, A.A.M. (2018). *Maqāṣid al-Sunnah al-Nabawiyah Ghair Tasyrī'iyyah*. IIUM Press, 22(44).
- Awang, A. H., Nasir, M. N. & Baharudin, A. H. (2018). Konsep Maqasid Sunnah Menurut Ahmad al-Raysūnī. *e-Proceeding of 3rd INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM)*. (780-785).
- Awang, A. H. (2018). "Konsep Maqasid al-Sunnah Menurut Yusuf Al-Qaradawi Dalam Kitab Kayfa Nata'Amal Ma'A Al-Sunnah Al-Nabawiyah", Konferens Antarabangsa Islam, 835.
- Awang, A. H. (2018). Konsep Maqasid Sunnah Menurut Dr. Ahmad Raysuni Dalam Kitab Maqasid Al-Maqasid. *The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith* (283-287).
- Al-Ghazālī, A. H. (1997). *al-Mustaṣfā min 'Ilm al-Usūl*. Beirut: Muassasah al-Risalah 1997, 1:174.
- Al-Ghazālī, A. H. (2010). *Ihyā' Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1:142.
- Unais, A. S. M. (2018). *Maqāṣid al-Hadīth 'inda Imām al-Dehlawī*. Majallah Jāmi'ah al-Syāriqah, 15(1), 5.
- Ali, A. W. M., Ghani, M. H. & Chik, W. M. Y. W. (2022). Metodologi Pendefinisian Ilmu Maqasid Syariah. *International Journal of Al-Quran and Knowledge*, 2(2).
- Jihaduddin, A. & Fawwaz, M. (2020). Persaingan Dalam Perniagaan: Analisa Menurut Perspektif Maqasid Al-Quran Dan Sunnah. *The 8th International Conference (SWAN)*.
- al-Raysuni, A. (2013). *Maqasid al-Maqasid al-Ghayat al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyyah li Maqasid al-Shari'ah*. Beirut: al-Shabkah al-'Arabiyyah li al-Abhas wa al-Nashr 2013.
- Al-Raysūnī, A. (1992). *Nazariyyah al-Maqāṣid 'Inda al-Imām Al-Syātibī* (Ed. Kedua). *The International Institute of Islamic Thought*.
- Al-Raysūnī, A. (1999). *Al-Fikr al-Maqāṣidī Wa Qawā'iduh Wa Fawā'iduh*. al-Ribāt: Jarīdah al-Zaman.
- Al-Fāsī, A. (1993). *Maqāṣid al-Shari'ah al-Islāmiyyah Wa Makārimuhā*. Beirut: Dār al-Gharab al-Islāmī. 6.
- Al-Najjār, A. M. (2008). *Maqāṣid al-Shari'ah Bi Ab'ād Jadīdah*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī. 7.
- Al-Yūbī. (1998). *Maqāṣid al-Shari'ah al-Islāmiyyah Wa 'Alāqatuhā Bi al-Adillah al-Shari'iyah*. al-Riyād: Dār al-Hijrah.
- Ali Hanafiah bin Norasid (Pensyarah, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadīth, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), dalam temu bual dengan pengkaji, 12 September 2023.
- Berawi, F. M. (2017). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis (UUM Press)*. UUM Press.
- Ibn 'Āshūr. (2011). *Maqāṣid al-Shari'ah al-Islāmiyyah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnānī. 134.
- Ibn Hajar, Ali, A. (1959). *Fath al-Bārī*. Beirut: Dār al-Ma'rifah. 2:279.
- Ibn Qayyim. (2020). *al-Turuq al-Hukmiyyah*. Beirut: Dār Ibn Hazm. 331.
- Suliaman, I., & Yaakob, M. A. Z. (2019). Analysis on Textual Hadith of Waqf Infrastructure in al-Kutub al-Sittah and Its Applications from the Perspective of Maqasid al-Sunnah: Analisis Hadith Wakaf Infrastruktur dalam al-Kutub al-Sittah dan Aplikasinya Menurut Perspektif Maqasid al-Sunnah. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 17(2), 221-245.
- Islam Web. (2021). *Muqaddimah fi Maqāṣid al-Sunnah*. Diakses pada 29-08-2023. Laman sesawang <https://www.islamweb.net/ar/article/231985/%D9%85%D9%82%D9%86>.

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2021). Tiga Kategori Maslahat. Diakses pada 29-08-2023. Laman Sesawang: <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/tiga-kategori-maslahah-kebaikan>.
- Ladra', K. (2021). The Need to Refer to The Objectives of The Sunnah in Correcting Understanding and Evaluating Commitment. *Majallah al-Mi'yār*, 25(57). 28.
- Rahman, M. M. A. (1996). Al-Hadith: Kedudukan dan Peranannya dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*, 4, 27-40.
- Ibrahim, M. Y. (2019). Maqasid Al-Shariah: Sejarah Perkembangan Serta Sumbangan Para Ulama Usul Al-Fiqh Awalin Dan Mutu" akhiri. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 1(2).
- Buhnik, M. H. (2021). The Impact of the Objectives of Sunnah on Removing Confusion on The Conflicted Hadiths. *Majallah al-Mi'yār*, 25(57).
- al-Tirmizī, M. I. (1997). *Sunan al-Tirmizī tāḥqīq Muḥammad Syākir*. Kaherah: Maktabah al-Halabī.
- al-Bukhārī, M. I. (2011). *Sahīl al-Bukhārī*. Maktabah al-Sultāniyah: Beirût.
- Jamal al-Din, M. (2010). *Qawā'id al-Tahdīth min Funūn al-Hadīth*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah. 36.
- Solah, M. (2021). *Maqāṣid al-Sunnah al-Nabawiyyah fī al-Tasyri'* Tahrīm Nikāh al-Mar'ah 'alā 'Ammatihā au Khālatihā. *Majallah al-Farāid fī al-Buhūth al-Islāmiyyah wa al-'Arabiyyah*.
- Jum'ah, M. (2020). *Fahmu Maqāṣid al-Sunnah Ru'yah 'Asriyah*. Azhar: Wizārah al-Awqāf.
- Makki, N. (2009). *Athar al-Maqāṣid fī Ta'āmul ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah Fiqhan wa Tanzīlan*. (disertasi Sarjana, Universiti Batna Algeria).
- Alias, M. N. B., Husni, A. B. M., Kamis, M. S., Samsudin, M. A., Omar, A. F., & Mokhtar, A. I. (2020). Perbezaan Antara Maslahah Mursalah Dengan Maqasid Syariah. *Journal Of Education And Social Sciences*, 15(1).
- Ithnin, N. K. M., Sulaiman, I., & Ibrahim, A. H. (2023). Re-evaluating the Authenticity of Hadith on the Shariah Ruling of Female Circumcision in Malaysia. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 21(2), 217-242.
- Ithnin, N. K. M., Sulaiman, I., & Ibrahim, A. H. (2023). Autentikasi Hadith Pensyariatan Khitan Wanita: Suatu Penilaian Semula. *Jurnal'Ulwan*, 8(1), 128-142.
- Nawi, N. H. M., & Daud, B. C. (2018). *Pengenalan Kaedah Penyelidikan Islam: Gagasan & Amalan*. UMK Press.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Maqasid Syariah dalam Perubatan. Diakses pada 29-08-2023. Laman sesawang <https://muftiwp.gov.my/ms/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/3541-bayan-linnas-siri-ke-189-maqasid-syariah-dalam-perubatan>.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Pendahuluan Ilmu Maqasid Syariah. Diakses pada 29-08-2023. Laman sesawang: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/3099-irsyad-usul-al-fiqh-33-pendahuluan-kepada-ilmu-maqasid-syariah>.
- Muhammad, R. (2016). *Maqasid Ibadah Haji Dalam Perspektif Sunnah: Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Jemaah Haji Malaysia*. (Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).
- Wazir, R. (2020). Tuntutan Kesihatan Mental Menurut Maqāṣid al-Sunnah. Persidangan Antarabangsa Isu Isu Semasa Al-Quran Dan Hadith (THIQAH).
- Asy'as. S. (2015). Sunan Abī Dāud tāḥqīq Syu'aib al-Arnāūt. Dār al-Risālah al-'Ālamiyah, 7:541.